

17 FEB 2000

Mahathir-Sarawak

UMNO TAK IKTIKRAF CAWANGAN DI SARAWAK

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Umno hari ini membuat keputusan tidak mengembangkan sayapnya ke Sarawak dan sebarang tindakan menubuhkan cawangan parti di negeri itu oleh sesetengah pihak adalah tidak sah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata walaupun ada baiknya Umno berkembang ke Sarawak tetapi parti itu beranggapan belum tiba masanya ia berbuat demikian.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno hari ini selepas ia membincangkan dengan panjang lebar isu kemasukan Umno ke Sarawak.

"Kalau Umno pergi ke Sarawak ia bertujuan untuk mengukuhkan Barisan Nasional dan bukan untuk memecahkan parti-parti komponen BN di negeri itu.

"Oleh itu Umno memutuskan tidak ke Sarawak dan tindakan tubuh Umno tidak sah dan Umno tidak iktiraf," kata Dr Mahathir.

Bekas timbalan presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dilaporkan telah memulakan usaha membawa masuk UMNO ke Sarawak.

Abang Abu Bakar yang mengumumkan keluar dari PBB minggu lepas juga dilaporkan sudah mengumpul 138,000 bakal anggota UMNO di negeri itu.

Terdapat juga usaha mengadakan perhimpunan di Padang Merdeka, Kuching pada 27 Feb ini.

Ditanya sama ada beliau telah meminta Abang Abu Bakar menghentikan kegiatan itu, Dr Mahathir berkata beliau telah menulis surat kepada pengerusi perhimpunan yang dicadangkan itu untuk menyatakan UMNO tidak mengiktiraf dan tidak berhajat pergi ke Sarawak dan meminta perhimpunan itu tidak diadakan.

Ditanya mengenai bentuk tindakan yang akan diambil jika Abang Abu Bakar meneruskan usaha itu, Dr Mahathir berkata: "Kita tak iktiraf sahaja, kita tak boleh tangkap dia."

Beliau juga berkata, usaha membawa UMNO ke Sarawak itu tidak akan menjejaskan hubungan antara kerajaan persekutuan dan kerajaan Sarawak kerana kedua-dua pihak mempunyai hubungan yang baik.

-- BERNAMA

AR HS MAI